

Tak ada hantu pun...

MUKADIMAH

TIMBALAN Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), **DR. AZMI SHAROM** tidak menyangka perlu menjalankan tugas Pengerusi susulan peletakan jawatan Datuk Azhar Azizan Harun pada 29 Jun lalu. Kira-kira sebulan selepas itu, bekas pensyarah undang-undang yang cukup dikenali dengan gaya stylo - berambut panjang bertocang - itu menerima satu lagi kejutan iaitu perlu menguruskan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Dalam wawancara kira-kira sejam dengan wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL**, **AZMAN IBRAHIM** dan **NIZAM YATIM** serta jurugambar, **FAISOL MUSTAFA** di pejabatnya di Putrajaya Khamis lalu, beliau masih mampu mengukir senyuman walaupun tanggungjawabnya semakin berat jika spekulasi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan dalam masa terdekat menjadi kenyataan.

Dr. Azmi yakin beliau boleh melunaskan tanggungjawab itu berdasarkan sokongan sekretariat SPR yang disifatkannya cukup berpengalaman dan profesional termasuk memastikan tiada 'hantu' dalam daftar pemilih terbaharu.

Berikut sedutan wawancara tersebut.



WARGA CHINA, BANGLADESH MASUK TAK KELUAR-KELUAR?

UTUSAN: Masih adakah tanggapan wujud pengundi hantu?

DR. AZMI: Sudah tentu. Itu dari segi daftar pemilih kita. Ini adalah sesuatu perkara yang kita mengambil serius. Jadi sejak 2018, kita telah pun mengambil tindakan untuk membersihkan daftar pemilih. Jadi kita ada satu sistem refleks di mana misalnya kalau kita mendapati situasi yang mungkin meragukan, kita akan menyiasat.

Sekarang memang amalan kita, pengundi yang berumur lebih daripada 90 tahun, kita akan siasat, masihkah dia belum meninggal dunia. Jikalau kita dapati sesuatu alamat itu terdapat terlalu banyak nama, kita akan siasat.

Sudah tentu kita terbuka kalau ada sesiapa yang ada keraguan. Dia boleh menulis kepada kita menyatakan isu yang dirasakan mungkin ada kesalihan dan sebagainya.

Adakah 'hantu' telah berjaya ditangkap sejak PRU-14 pada 9 Mei 2018?

Baru-baru ini, tiada. Setahu saya tiada 'hantu' pun. Kita dapati selalunya masalahnya orang tidak menukar alamat. Misalnya, Flat Pekeliling, Kuala Lumpur yang sudah tidak wujud lagi kerana telah dirobhkan.

Ada orang yang masih mengundi menggunakan alamat flat berkenaan. Orang lihat itu 'hantu' lah, tetapi

sebenarnya orang itu sudah berpindah, tetapi dia tidak menukar alamat. Kadang-kadang isu itu bukan 'hantu' betul.

Adakah berlaku perkara pelik seperti pendaftaran pengundi baharu yang berumur lebih 40 tahun?

Itu sebenarnya normal kerana ada orang yang mungkin tiba-tiba dia 'mendapat hidayah' untuk mengundi. Kami tidak boleh menyiasat perkara seperti itu. Kalau umur 70 tahun nak mendaftar sebagai pengundi baharu pun, kita tidak akan siasat.

Bagaimana pula dakwaan ada beratus-ratus ribu warga



Saya tidak kisah kalau Pas atau DAP menjadi kerajaan baharu kerana kerja kita sama sahaja."

China dan Bangladesh yang masuk ke Malaysia dan tidak keluar-keluar?

Kita tidak mengesan apa-apa. Itu sebenarnya lebih kepada (tanggungjawab) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kerana SPR hanya pengguna (data JPN). Kita tidak berkuasa menyatakan seseorang itu bukan

warganegara. Hanya JPN yang berkuasa menentukan adakah seseorang itu betul-betul warganegara atau tidak.

DAFTAR PEMILIH PRU-15 Apakah daftar yang akan digunakan jika PRU-15 diadakan pada Disember ini?

Daftar Pemilih Induk (DPI) bagi suku pertama yang diwartakan pada 1 Julai lalu menunjukkan kita mempunyai 15.03 juta pengundi. Ini termasuk pengundi baharu sejak 9 Mei 2018 iaitu sebanyak 474,761 orang.

Kita juga masih dalam proses mengemas kini pendaftaran terbaharu dibuat pada April, Mei dan Jun (suku kedua). Selepas pendaftaran



AZMI Sharom diwawancara wartawan *Utusan Malaysia*, **Zulkifli Jalil** (dua dari kanan), **Azman Ibrahim** dan **Nizam Yatim** (kiri) di pejabatnya di Putrajaya, Khamis lalu.